

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK WEE JECK SENG
(TANJONG PIAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.05.2015

Y.B. DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah angka yang telah dijimatkan melalui usaha 11 langkah penjimatan perbelanjaan di sektor awam; dan
- (b) bagaimana pengukuran dibuat untuk menentukan sama ada sasaran berjaya dicapai atau tidak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan dua (2) inisiatif pengurangan perbelanjaan

Kerajaan Mengurus tahun 2014 iaitu:

1. 11 langkah penjimatan dalam sektor awam berkuat kuasa mulai 2 Januari 2014; dan
2. Pengurangan peruntukan Belanja Mengurus Tahun 2014 di bawah OA20000 (Perkhidmatan & Bekalan) sebanyak 5% yang telah dilaksanakan pada 7 April 2014.

Penjimatan perbelanjaan awam daripada pelaksanaan 11 langkah tersebut adalah sebanyak RM400 juta manakala pengurangan 5% peruntukan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan telah menjimatkan perbelanjaan sebanyak RM1.3 bilion.

Kementerian Kewangan telah mengambil langkah dengan mengadakan perbincangan bersama semua Kementerian/ Jabatan bagi mencari kaedah terbaik melaksanakan pemotongan peruntukan sebanyak 5%. Kementerian/ Jabatan diberi kebebasan untuk menentukan program/ aktiviti yang hendak dikurangkan peruntukan selagi ianya tidak menjejaskan secara signifikan program Kementerian dan tidak mendatangkan implikasi kewangan tambahan pada masa akan datang.